



Johan ialah murid baharu di sekolah. Dia duduk di sebelah Adam semasa di dalam kelas. Adam tersenyum kepadanya. Selepas kelas, Adam mengajak Johan bermain bola di padang bersama kawan-kawan yang lain. Mereka bermain dengan seronok sambil ketawa riang. Johan berasa sangat gembira. Dia berterima kasih kepada Adam kerana menjadi kawan yang baik.

1. Johan ialah _____ di sekolah.
2. Dia duduk di sebelah _____ semasa di dalam kelas.
3. Adam _____ kepadanya.
4. Adam mengajak Johan bermain bola di _____.
5. Johan berasa sangat _____.